

# Pekerja bank naik gaji

BM 22/6/08 ms 1

## 32,000 kakitangan terima kenaikan tertinggi sejak 10 tahun

Oleh Ziauddin Sharuddin

**K**UALA LUMPUR: Selepas menunggu lebih dua tahun, akhirnya kira-kira 32,000 kakitangan perkeranian dan bukan perkeranian bank perdagangan di negara ini menerima durian runtuh apabila mendapat kenaikan gaji 17 peratus melalui perjanjian bersama (CA) yang dimeterai semalam.

Kenaikan gaji melalui CA bagi tempoh antara 2006 hingga tahun ini adalah yang tertinggi sejak 10 tahun lalu. Dalam CA sebelum ini pada 2005, kenaikan gaji hanya

FAKTA NOMBOR

Bank perdagangan

**25,000**

Ahli Nube

**23**

Jumlah bank

sembilan peratus.

Berikutan kenaikan itu, semua kakitangan berkenaan layak menerima tunggakan gaji antara RM4,000 hingga RM17,000 dengan keseluruhan jumlah peruntukan RM336 juta.

Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (Nube), J Solomon mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membolehkan persetujuan dicapai antara Nube dan Persatuan Bank Perdagangan Malaysia (MCBA).

Majlis memeterai perjanjian itu

turut disaksikan Abdullah mana-kala MCBA di wakili Presidennya, Hamidah Naziadin dan Pengarah Eksekutif, S Sivagnanam, mana-kala Nube diwakili Presidennya, S Sivabalan dan Solomon.

Solomon berkata, kakitangan terbabit juga akan terus menerima bonus dua bulan setiap tahun dan kenaikan gaji tahunan lebih tinggi.

Selain itu, katanya, mereka menerima kenaikan pelbagai elaun sebanyak lima peratus, jumlah kelayakan lebih tinggi untuk pinjaman perumahan serta jumlah tidak

LIHAT MUKA 2

# Cola dalam CA akan datang

## DARI MUKA 1

melebihi RM300 untuk pembelian insurans hospital dan pembedahan untuk isteri dan anak.

"Mereka yang mengikuti perbincangan antara Nube dan MCBA kali ini tahu bahawa proses itu mengambil masa lebih lama.

"Nube mendapat keistimewaan apabila Perdana Menteri sendiri memainkan peranan penting menyelesaikan CA. Ini menunjukkan beliau adalah rakan sejati pekerja negara ini," katanya.

Beliau juga memberi penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Group, Datuk Nazir Razak dan Presiden MCBA yang bekerja keras selepas campur tangan Perdana Menteri untuk membolehkan CA dipersetujui.

Solomon juga berterima kasih kepada Abdullah yang meminta bank memasukkan Elaun Sara Hidup (Cola) sebanyak RM100 dalam CA akan datang.

Beliau berkata, kenaikan gaji dan memperkenalkan Cola adalah tepat pada masanya serta mampu meringankan beban sebahagian kakitangan bank perdagangan menghadapi kenaikan harga barang sejak kebelakangan ini.

Nube mula menuntut kenaikan gaji sejak September 2006 dengan meminta kenaikan sebanyak 30 peratus dengan mendakwa kerani dan kakitangan bukan perkeranian di sektor perbankan adalah golongan yang menerima gaji terendah dengan gaji pokok bermula RM662 hingga RM1,254 atau anggaran pendapatan hanya RM14,400 setahun.

Selain itu, Nube meminta memberi Cola bagi membantu mengurangkan beban pekerja. Bagaimanapun, tiada persetujuan dicapai hingga terpaksa dibawa ke Mahkamah Perusahaan Oktober tahun lalu. Selepas campur tangan Perdana Menteri yang mengadakan pertemuan dengan Nube di Seri Perdana, Februari lalu, isu itu berjaya diselesaikan.